



24 JAN, 2024

Anwar yakin JKDM mampu kutip hasil RM56 bilion

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Anwar yakin JKDM mampu kutip hasil RM56 bilion

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin sasaran kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) RM56 bilion tahun ini mampu dicapai.

"Saya percaya, Insya-Allah sasaran kita, unjuran bagi tahun 2024 bukan saja dicapai, tapi kalau dapat diurus dengan seluruh semangat (seperti) ditunjukkan hari ini, luar biasa semangatnya, saya yakin kita akan melepasi sasaran," katanya semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42, di sini semalam.

Tahun lepas, JKDM berjaya mengutip hasil RM55.1 bilion, melepasi sasaran RM53.5 bilion.

Menyifatkan kejayaan itu sebagai mencipta rekod untuk negara, Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mezhahirkan penghargaannya kepada seluruh pasukan JKDM.

"Kalaupun tidak ada peningkatan kecekapan, kalau dibiarkan ketirisan, boros dan membiarkan satu dua kelompok kecil memindahkan kekayaan untuk diri dan keluarga mereka, tak mungkin JKDM boleh catat satu perolehan kutipan yang membanggakan," katanya.

Beliau turut memberi jaminan bonus tahun ini untuk warga JKDM akan lebih baik berbanding sebelumnya.

Anwar berkata, hasil kutipan JKDM bukan sahaja menambah hasil negara malah lebih dari-



PERDANA Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan Anugerah Tokoh Kastam kepada bekas Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Subromaniam Tholasy pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam. Turut kelihatan, Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin. • Foto BERNAMA

pada itu, ia memberi manfaat yang besar kepada rakyat dalam pelbagai lapisan masyarakat.

"Apa maknanya bila saudara (JKDM) dapat kumpul RM55.1 bilion (kutipan hasil tahun lepas), maknanya hasil negara bertambah dan kalau negara itu punyai pimpinan yang tegas, elak ketirisan, wang yang saudara kutip itu akan kembali kepada anak-anak di sekolah, ibu bapa yang dirawat di hospital dan prasarana

lebih baik.

"Jadi, tanggungjawab saudara mengutip dana (hasil), tanggungjawab semua jabatan lain memastikan dana (hasil) diurus dengan baik," katanya.

Sebagai menghargai usaha warga JKDM yang menjadi antara tonggak ekonomi negara, Anwar mengumumkan peruntukan perumahan JKDM dinaikkan daripada RM20 juta kepada RM50 juta, dan kerajaan berse-

dia menambah peruntukan itu sekiranya ada keperluan.

Anwar berkata, beliau juga telah mengarahkan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Datuk Johan Mahmood Merican untuk mempercepatkan agihan peruntukan projek perumahan kuarters JKDM dan juga kemudahan-kemudahan asas yang lain. — Bernama



24 JAN, 2024

Anwar yakin JKDM mampu kutip hasil RM56 bilion

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin sasaran kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) RM56 bilion tahun ini mampu dicapai. "Saya percaya, Insya-Allah sasaran kita, unjuran bagi tahun 2024 bukan saja dicapai, tapi kalau dapat diurus dengan seluruh semangat (seperti) ditunjukkan hari ini," luar biasa semangatnya, saya yakin kita akan melepasi sasaran," katanya semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42, di sini semalam. Tahun lepas, JKDM berjaya mengutip hasil RM55.